

15/06/1999

Drama perjuangan Dr Mahathir

Akmal Abdullah; Meor Hisham Zulkifli

DRAMA bersiri, Perjuangan Yang Belum Selesai cuba mengangkat pemikiran dan nilai Islam yang dibawa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perjuangan politik dan corak kepemimpinannya sebagai Perdana Menteri.

Walaupun drama itu tidak menggunakan nama watak sebenar tetapi watak utama yang menjadi titik tolak ceritanya mewakili Perdana Menteri iaitu seorang reformis dan intelek Melayu pada zaman kebangkitan mengisi kemerdekaan negara.

Latar waktu dalam drama 16 episod itu bermula pada awal 70-an sehingga sekarang.

Penggambarannya yang bermula 2 Julai ini banyak menggunakan lokasi di Alor Star iaitu tempat bermulanya Dr Mahathir sebagai ahli politik.

Pengarah drama itu, Nurhalim Ismail, berkata tempoh penggambaran untuk Perjuangan yang Belum Selesai dijangka mengambil masa 65 hari.

"Bagi membolehkan drama ini menjadi kenyataan, ia tugas berat terutama kandungannya iaitu bagaimana mengangkat pemikiran watak utamanya, Dr Kamal bagi mentafsirkan konsep pemikiran Islam.

"Kita sudah buat kajian mengenai skrip dan set untuk drama ini sejak tiga bulan lalu.

"Pemilihan pelakon dibuat oleh saya. Kita mungkin guna kediaman Perdana Menteri di Alor Star tetapi buat masa ini masih belum diputuskan.

"Bagaimanapun, drama ini bukan mengenai biografi Dr Mahathir tetapi kita menggunakan watak lain untuk mengangkat pemikiran sebagaimana yang dibawa oleh beliau selepas 1973," katanya selepas majlis pelancaran drama itu di Kuala Lumpur, petang kelmarin.

Pelancaran drama terbitan Yayasan Pasir Mas dan Saga Fortune itu dilakukan oleh Menteri Penerangan, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob.

Hadir sama Pengerusi Yayasan Pasir Mas, Datuk Ibrahim Ali; Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan; Datuk Zawawi Mahmudin; Pengerusi Eksekutif Pacific Chemicals Berhad, Datuk Tiong King Sing; Pengerusi Saga Fortune, Datuk Dusuki Ahmad; Pengerusi Finas, Shariff Ahmad dan Presiden Persatuan Seniman Malaysia (Seniman), Datuk Ismail Hutson.

Turut hadir ialah barisan pelakon drama itu termasuk Shukery Hashim, Haliza Misbun, Rashidah Jaafar, Zaidi Omar, Normala Omar, Zulkifli Zain, Mubarak Majid, M Rajoli, Wan Maimunah, Ridani Abdul Ghani dan Nasir Ali.

Pacific Chemicals Berhad adalah penaja utama drama itu. Kos penerbitannya dianggarkan RM500,000.

Sementara itu, Ibrahim berkata, drama berkenaan mungkin disiarkan menerusi RTM September ini.

"Ia bukan drama komersil tetapi drama berbentuk khidmat masyarakat mengenai perjuangan pemimpin yang banyak berjasa untuk bangsa, agama dan negara," katanya.

Dusuki dalam ucapannya berkata, idea untuk drama bersiri itu diilhamkan daripada judul sajak yang pernah dicipta dan dideklamasikan Dr Mahathir.

"Drama ini berkisar mengenai susur galur perjuangan Dr Kamal, seorang doktor perubatan, reformis dan intelek Melayu berjiwa besar.

"Dia menceburkan diri dalam politik dengan niat murni untuk memartabatkan bangsanya.

"Berebalkan semangat juang kental dengan menggunakan pendekatan revolusi mental dan fizikal, Dr Kamal berjaya meletakkan maruah bangsanya pada kedudukan yang amat dihormati kawan dan lawan.

"Melalui drama ini, watak Dr Kamal berusaha menonjolkan Islam dalam

pemikiran dan tindakan Dr Mahathir, selain memaparkan penyalahgunaan agama yang berlaku dalam masyarakat," katanya.

(END)